

→ MUKA DUA

# Tawaran pembangkang tak masuk akal, populis



Najib, Rosmah, Idris dan Azlan pada Program Bajet 2018 Bersama Rakyat: Belia dan Pelajar di UniMAP, Arau semalam.

→ Manifesto pilihan raya PH lonjak hutang negara: Najib

Oleh **Adie Suri Zulkifli, Embun Majid, Suzalina Halid, Mustakim Ramli dan Aizat Sharif**  
cnews@nstp.com.my

Arau

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, beban hutang negara akan melonjak kepada RM416 bilion, jika Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta tol dihapuskan seperti dijanjikan menerusi manifesto pilihan raya pakatan harapan (PH).

Perdana Menteri berkata, pemansuhan GST dan tol sahaja akan menyebabkan kerajaan kehilangan hasil negara berjumlah RM410 bilion, tidak termasuk hutang sedia ada yang lain.

Sambil menyifatkan tawaran PH itu sebagai tidak masuk akal, Perdana Menteri berkata, beban hutang terbabit akan ditanggung rakyat dan golongan yang paling terkesan adalah generasi muda.

Sambil menegaskan beliau sendiri tidak bersetuju dengan sistem tol lebuhraya yang diwarisi daripada pemimpin sebelum ini, Najib berkata, kerajaan tidak mampu menghapuskan semua tol sekali

gus seperti ditawarkan PH, hanya kerana mahu menjadi populis.

"Kita dengar puak sana (pembangkang) nak mansuh GST, kalau mansuh kita kekurangan hasil yang akan menyebabkan separuh pembangunan kita tidak boleh buat, malah elauan tambahan dan kenaikan tahunan perjawat awam pun tidak dapat.

"Tol pun dia mahu hapus. Saya tidak suka tol tetapi mewarisi sistem 'orang tua' yang buat sebelum ini. Apabila ditambah hutang akibat penghapusan GST dan kutipan tol dengan hutang lain, hutang negara akan melonjak kepada RM416 bilion.

"Dia (PH) punya manifesto dahsyat...nanti adik-adik (pelajar) yang nak kena tanggung," katanya ketika berucap di hadapan 3,000 penuntut institusi pengajian tinggi pada Program Bajet 2018 Bersama Rakyat: Belia dan Pelajar di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di sini, semalam.

Yang turut hadir isterinya Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man dan Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Dr Zul Azhar Zahid Jamal.

**Kurangkan beban rakyat**

Najib berkata, berbanding tawaran pakatan pembangkang yang bersifat populis, kerajaan mengambil langkah mengurangkan beban rak-



yat dengan menghapuskan kutipan tol pada empat lebuhraya dan akan meneruskannya terhadap beberapa lokasi lain secara berperingkat-peringkat.

"Kalau tidak mampu buat kami akan beritahu tidak mampu tetapi percayalah kami sentiasa berfikir dalam memenuhi setiap keperluan rakyat kerana rakyat sentiasa didahulukan," katanya lagi.

Oktober tahun lalu, Perdana Menteri mengumumkan kutipan tol pada empat lokasi, masing-masing dua di Selangor, satu di Kedah dan Johor dimansuhkan bermula 1 Januari lalu.

Pemansuhan kutipan itu memabitkan tol di Batu Tiga, Shah Alam; Sungai Rasau, Klang; Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Lebuhraya Penyeruaian Trafik Johor Timur (EDL), Johor.

Dalam ucapannya, Najib memaklumkan yang kerajaan sedang melaksanakan beberapa projek utama yang akan siap dalam tempoh lima tahun, bagi menyediakan landskap ekonomi yang baik untuk generasi masa depan.

"Dalam tempoh lima tahun lagi, Malaysia akan berwajah baharu apabila projek seperti Transit Aliran Massa (MRT), Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Tun Razak Exchange (TRX)," katanya.

"Inilah yang kami lakukan demi generasi akan datang, dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk masa depan kerana walaupun universiti kita berjaya melahirkan graduan berkemahiran, tanpa sistem ekonomi yang baik efektif, para graduan tidak akan dapat mendapat peluang pekerjaan," ujarnya lagi.

**RM78 juta bina PPR di Perlis**

Sementara itu, ketika berucap merasmikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis dan Ramah Mesra Perdana Menteri bersama Penjawat Awam Perlis di Kangar, Perdana Menteri meluluskan peruntukan RM78 juta bagi membina 500 unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) Parlimen Kangar.

Projek PPR Kangar itu adalah tambahan kepada lapan projek untuk Perlis membabitkan peruntukan lebih RM300 juta yang diluluskan sebelum ini.

**Projek pembangunan untuk Perlis**

Info

- PPR Kangar - 500 unit rumah - RM78 juta
- UTC Perlis - RM35.5 juta
- UTC Perlis - RM500,000 tambahan untuk surau, laluan berbumbung dan pagar
- PPR Padang Besar - 500 unit rumah - RM78 juta
- PPR Arau - 400 unit rumah

- RM62.4 juta
- Loji Rawatan Air Tasoh - RM41 juta
- Projek airtidak berhasil Perlis - RM50.5 juta
- Pintu kawalan air Kuala Perlis - RM50 juta
- Terminal Awam Bersepadu Serian - RM30 juta
- Bazaria Padang Besar & Kangar - RM10 juta

## WAKTU SOLAT

**IBADAT & FADILAT**

Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Hendaklah yang kecil memberi salam kepada yang besar, yang sedang berjalan hendaklah memberi salam kepada yang duduk, kumpulan yang sedikit hendaklah memberi salam kepada kumpulan yang banyak." (HR Bukhari)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	6:10	1:31	4:43	7:32	8:41
Alor Setar	6:10	1:30	4:43	7:31	8:40
P. Pinang	6:09	1:30	4:41	7:31	8:40
Ipah	6:07	1:28	4:38	7:29	8:38
Kuala Lumpur	6:05	1:25	4:35	7:27	8:36
Shah Alam	6:05	1:25	4:35	7:27	8:36
Johor Bahru	5:56	1:17	4:23	7:19	8:27
Kuantan	6:00	1:20	4:39	7:22	8:31
Seremban	6:03	1:24	4:31	7:25	8:34
Bandar Melaka	6:02	1:23	4:30	7:25	8:34
Kota Bharu	6:06	1:23	4:35	7:24	8:29
K. Terengganu	5:58	1:19	4:31	7:20	8:29
Kota Kinabalu	5:07	12:27	3:39	6:28	7:37
Kuching	5:31	12:52	3:58	6:54	8:02

**PILIHAN TERTINGGI**

## BH ONLINE

- Ahli perniagaan ditemui lemas
- Rafiuddin hilang sabar terhadap FAP
- Cheryl sibuk jaga anak, bukan bersara
- Tak sabar pesta depan United
- Trump tolak cadangan anak Pulau Pinang beli Qualcomm